





NYRE

NATIONAL YOUNG REPORTERS FOR THE ENVIRONMENT (NYRE) 2022

Diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia [No Ruj: KPM.600-12/1/4 Jld.28(60)]



MEI - SEPTEMBER 2022

DIANJURKAN OLEH GREEN GROWTH ASIA FOUNDATION





ISI KANDUNGAN

- 01 Pengenalan
- 03 Kategori Media
- 04 Kategori Pertandingan
- 07 Syarat Penyertaan
- 08 Perakuan Persetujuan
- 09 Syarat Penyerahan Karya
- 10 Kriteria Penilaian
- 23 Terma dan Syarat
- 31 Garis Masa Program
- 32 Lampiran
- 34 Penganugerahan
- 35 Penaja Program
- 35 Hubungi Kami



Young Reporters for the Environment (YRE), diterjemahkan kepada Bahasa Melayu sebagai Wartawan Muda Alam Sekitar, merupakan sebuah program bertaraf antarabangsa dikendalikan oleh Foundation for Environmental Education (FEE), organisasi pendidikan alam sekitar terbesar di dunia. Terdiri daripada ahli-ahli yang dinamik dari 77 buah negara, program ini memberi peluang kepada anak muda untuk membicarakan isu-isu alam sekitar melalui media penulisan, fotografi atau video. Bertitik tolak daripada itu, program ini juga memperkasakan anak muda untuk menimba ilmu pengetahuan serta mengambil pendirian bagi isu-isu alam sekitar yang melibatkan diri mereka serta komuniti yang mereka duduki.



Pada tahun ini, Green Growth Asia Foundation (GGAF), selaku pengendali kebangsaan YRE Malaysia, akan menganjurkan program National Young Reporters for the Environment (NYRE) merangkumi beberapa bengkel menarik serta pertandingan yang akan dianjurkan di pelbagai peringkat. Peserta yang berminat berpeluang untuk bertanding bagi peringkat negeri sebelum dicalonkan bagi peringkat kebangsaan seterusnya mewakili negara bagi Pertandingan YRE Peringkat Antarabangsa. Program NYRE telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan disokong oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Selain menggalakkan penglibatan anak muda untuk menyuarakan isu-isu alam sekitar, pertandingan ini juga bertujuan untuk menyebarkan karya-karya yang dihasilkan peserta serta berkongsi idea dan pendapat mereka bersama khalayak ramai di peringkat, negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Kesemua peyerahan karya-karya pertandingan akan melalui proses saringan yang intensif dan terperinci. Juri-juri pertandingan bagi peringkat negeri dan kebangsaan akan menilai dan menganugerahkan penyertaan bagi tempat pertama, kedua dan ketiga. Berikutan itu, pemenang-pemenang ini akan meneruskan perjalanan mereka bagi Pertandingan YRE Antarabangsa di mana mereka bakal dinilai oleh juri-juri dari organisasi antarabangsa di bawah anjuran FEE. Peserta akan didedahkan dengan modul komprehensif bagi mempersiapkan diri untuk bertanding pada peringkat global.

KATEGORI MEDIA


Pertandingan NYRE, yang tertakluk kepada syarat pertandingan YRE pada peringkat antarabangsa, dibahagikan kepada tiga (3) kategori media yang terdiri daripada:

- Artikel
- Fotografi
- Videografi


Setiap kategori media pula mempunyai sub kategori seperti yang tertera di bawah:



- **Single Reportage Photo**
- **Single Photo Campaign**
- **Photo Story (3-5 Photographs)**



- **Reportage Video**
- **Environmental Campaign Video**



- **Written Article**

TEMA PERTANDINGAN

Program NYRE berteraskan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menekankan pendekatan holistik serta boleh dipraktikkan oleh masyarakat tempatan bagi mencapai pembangunan lestari dengan mengemukakan inisiatif dalam menangani isu-isu alam sekitar di kawasan mereka.

Para peserta digalakkan untuk mengkaji hubungan antara penghasilan karya mereka dengan satu atau lebih tema SDGs sebelum menentukan topik yang ingin dilaporkan. Terdapat tiga (3) TEMA utama bagi penghasilan karya peserta dalam pertandingan iaitu:

1. Perubahan iklim
2. Kehilangan biokepelbagaian
3. Pencemaran

KATEGORI PERTANDINGAN

Para peserta mempunyai pilihan untuk menghasilkan karya mereka melalui tiga (3) kategori media iaitu, fotografi, videografi dan penulisan artikel. Terdapat enam (6) sub-kategori pertandingan di bawah Program NYRE yang terdiri daripada:

1. Single Reportage Photo
2. Single Photo Campaign
3. Photo Story (3-5 Photographs)
4. Reportage Video
5. Environmental Video Campaign
6. Written Article

Setiap kategori pertandingan mempunyai cara penyampaian serta tujuan berlainan untuk penghasilan karya yang berimpak tinggi. Bergantung kepada kreativiti, kemahiran dan keupayaan para peserta sendiri untuk menghasilkan sesuatu yang memberi kesan mendalam berkaitan dengan status alam sekitar serta mempengaruhi orang ramai untuk mengambil tindakan dan/atau meningkatkan kesedaran umum.

Single Reportage Photo (Laporan Foto Tunggal)

Tujuan 'Single Reportage Photo' adalah untuk menceritakan kisah peserta dengan penghasilan satu (1) foto melalui lensa atau perspektif alam sekitar secara jujur dan tepat. Foto tersebut perlu merangkumi realiti sesuatu situasi, peristiwa atau isu dan bebas dari prasangka serta tidak dimanipulasikan.

Single Photo Campaign (Kempen Foto Tunggal)

Tujuan 'Single Photo Campaign' adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap satu atau lebih isu alam sekitar, mempromosikan nilai-nilai tertentu, dan / atau memberi inspirasi untuk menjalankan tindakan positif melalui lensa atau perspektif alam sekitar bagi satu (1) foto. Subjek foto boleh diubahsuai dengan tujuan memaparkan mesej yang kreatif dan jelas kepada penonton.

Photo Story (3-5 Photographs) (Foto Cerita : 3- 5 Foto)

Tujuan 'Photo Story (3-5 Photographs)' adalah untuk menceritakan kisah peserta melalui satu siri foto-foto untuk membantu penonton memahami masalah, peristiwa atau fenomena persekitaran dengan lebih baik. Sama seperti laporan berita, isu alam sekitar yang ingin disampaikan oleh peserta bertujuan untuk menceritakan kisah yang benar dan tepat melalui siri foto secara jelas.

Reportage Video (Laporan Video)

'Reportage Video', bertindak sebagai sebuah dokumentari mini yang berdasarkan pada berita, peristiwa, sejarah, fakta dan lain-lain. Video yang dihasilkan perlu menggunakan unsur-unsur pemerhatian, penyelidikan, wawancara dan dokumentasi yang betul.

Environmental Campaign Video (Kempen Video Alam Sekitar)

'Environmental Campaign Video' bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang sesuatu masalah melalui lensa atau perspektif alam sekitar, mempromosikan nilai-nilai tertentu, dan / atau memberi inspirasi dalam mengambil tindakan positif melalui video. Kisah kempen video boleh diubahsuai dengan tujuan untuk menghantar mesej yang boleh difahami jelas oleh penonton.

Perhatian: Kandungan video, termasuk muzik, harus mematuhi peraturan hak cipta. Kami menggalakkan peserta untuk memasukkan rujukan, penghargaan atau nota kaki dalam penyerahan karya mereka kepada penganjur NYRE.

Written Article (Penulisan Artikel)

Tujuan 'Written Article' adalah untuk menceritakan kisah mengenai masalah yang dihadapi komuniti anda atau dunia dan berkongsi kepada khalayak ramai secara tempatan dan antarabangsa. Ia bertujuan untuk menceritakan kisah yang benar dan tepat melalui lensa alam sekitar.

SYARAT PENYERTAAN

- Pertandingan ini terbuka kepada individu atau berkumpulan (terhad kepada dua orang sahaja) bagi media penulisan artikel dan videografi.
- Calon peserta dari institusi pendidikan awam, swasta atau antarabangsa termasuk individu yang menjalani pembelajaran secara persekolah di rumah (homeschool) dan pelajar di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) amat digalakkan untuk menyertai pertandingan di bawah program NYRE.
- Peserta hanya boleh menyerahkan satu (1) hasil karya bagi satu (1) kategori pertandingan sahaja.
- Peserta boleh menyertai lebih daripada satu kategori pertandingan.
- Hasil karya perlu merangkumi refleksi peserta dan topik yang dipilih harus dikaitkan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

KATEGORI UMUR

- Kategori umur bagi peserta yang ingin menyertai pertandingan mengikut garis panduan YRE adalah seperti berikut:
 - Pertama : 10-12 tahun
 - Kedua : 15-18 tahun
 - Ketiga : 19-24 tahun



PERAKUAN PERSETUJUAN

PERAKUAN PERSETUJUAN PESERTA BAGI PEMROSESAN MAKLUMAT PERIBADI SERTA PENGGUNAAN KARYA VIDEO / FOTO / ARTIKEL YANG DISERAHKAN

- Sebaik sahaja peserta mendaftar untuk pertandingan ini, anda maklum dan bersetuju bagi pihak kami memproses maklumat peribadi yang telah anda nyatakan dalam borang penyerahan karya sepanjang tempoh pertandingan ini dijalankan.
- Tujuan kami memerlukan maklumat peribadi anda adalah untuk mendaftarkan, menilai dan menyimpan penyertaan anda dan menerbitkan karya sekiranya terpilih sebagai pemenang tempat, pertama, kedua atau ketiga di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa.
- Selain itu, kebenaran secara bertulis juga diperlukan bagi memenuhi kehendak perundangan perlindungan hak kanak-kanak antarabangsa, contohnya pengambilan gambar kanak-kanak, adalah menjadi tanggungjawab peserta untuk cakna mengenai hal-hal berbangkit. Semua karya-karya pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga akan disimpan di arkib kami dan digunakan oleh rangkaian FEE bagi mempromosikan pemenang dan program.
- Anda sentiasa mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan dan penyerahan anda dalam pertandingan ini. Sila hubungi urus setia untuk tindakan lanjut.

SYARAT PENYERAHAN KARYA

- Peserta yang tidak memenuhi syarat penyerahan karya disenaraikan di bawah akan dikenakan penalti (penolakan markah)
- Setiap penyerahan karya kepada pihak penganjur NYRE wajib:
 1. Mempunyai maklumat berikut:
 - a. Nama peserta
 - b. Umur peserta
 - c. Nama sekolah / institut pendidikan
 - d. Negeri
 2. Memenuhi Format & Struktur serta kriteria Penyebaran mengikut kategori pertandingan.
 3. Karya dihasilkan dalam Bahasa Inggeris (bertulis dan / atau secara lisan) atau mesti mempunyai sarikata dalam Bahasa Inggeris.
 4. Memberi tumpuan pada isu alam sekitar tempatan semasa dan dikaitkan dengan konteks global.
 5. Mengemukakan penyelesaian yang mampu dilaksanakan dan disokong oleh sumber yang sahih seperti testimoni atau hasil kajian pihak berkepentingan tempatan, pakar, penyelidik akademik, dan lain-lain.
 6. Menyertakan rujukan, penghargaan, nota kaki atau bibliografi dengan sumber gambar, rakaman video, muzik dan maklumat (yang tidak dihasilkan oleh peserta).
 7. Mengenalpasti dan memberikan penjelasan ringkas mengenai hubung kait topik yang dipilih dengan satu atau lebih Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada masa yang sama mengekalkan lensa alam sekitar dalam penghasilan karya.
 8. Penyerahan karya hanya boleh dilakukan sekali sahaja bagi setiap kategori pertandingan.
 9. Penyerahan lewat bagi semua kategori pertandingan tidak akan diterima.

KRITERIA PENILAIAN

KRITERIA UMUM

1. Kriteria penilaian Pertandingan NYRE ini adalah berdasarkan kepada piawai penilaian YRE Antarabangsa.
2. Setiap kategori mesti mempunyai kuorum penyertaan sekurang-kurangnya lima (5) penyertaan untuk setiap kategori media, umur dan peringkat untuk dinamakan sebagai pertandingan. Sekiranya, penyertaan adalah kurang daripada lima (5) peserta, pihak penganjur akan mengambil kira markah yang dicapai bagi menentukan kedudukan penyertaan tersebut.
3. Markah piawaian yang ditentukan untuk menerima tiga hadiah utama adalah seperti berikut:
 - Tempat Pertama / Juara - mendapat skor 80% dan ke atas;
 - Tempat Kedua - mendapat skor 70% - 80%;
 - Tempat Ketiga - mendapat skor 60 - 70%

Skor % akan dikira dengan cara pemfaktoran lima (5) kriteria khusus yang disenaraikan.

Contoh pengiraan % markah : Jumlah skor 20 markah x 4. Jumlah skor % yang diperolehi adalah 80%.

KRITERIA KHUSUS

Berikut merupakan kriteria khusus bagi setiap kategori pertandingan. Juri-juri akan menilai setiap karya mengikut skor maksimum sebanyak 25 markah. Kriteria dibahagikan kepada lima kategori iaitu:

- i. Format & Struktur
- ii. Pelaporan Jujur & Saksama
- iii. Perspektif Konstruktif & Menyeluruh
- iv. Keaslian & Autonomi
- v. Penyebaran dan Penyertaan dalam Bengkel

Setiap kriteria membawa lima (5) markah menjadikan jumlah keseluruhan penyerahan karya 25 markah. Peserta digalakkan untuk memenuhi seberapa banyak mungkin kriteria penilaian mengikut kategori pertandingan masing-masing. Juri akan memberikan markah berdasarkan aspek kewartawanan peserta dalam melaporkan isu-isu alam sekitar yang berlaku di persekitaran mereka.

PERTANDINGAN 'SINGLE REPORTAGE PHOTO'

Format & Struktur

- Peserta hanya boleh menghantar satu (1) foto sahaja ke YRE Malaysia melalui [Google Form](#).
- Hasil karya foto perlu dihantar dalam format JPEG atau PNG dengan resolusi tidak kurang dari 150-300 DPI sahaja.
- Hasil karya foto perlu mempunyai tajuk tidak melebihi 140 aksara.
- Hasil karya foto perlu mempunyai keterangan tidak melebihi 100 patah perkataan dan keterangan gambar (caption) tidak melebihi 20 patah perkataan ATAU hanya keterangan maksimum 120 patah perkataan.
- Huraian dan keterangan gambar (caption) perlu menghubungkan foto dengan topik alam sekitar dan/atau mengemukakan jalan penyelesaian bagi isu alam sekitar yang disampaikan dalam foto.
- Hasil karya foto perlu dihasilkan dari segi teknikal dan artistik yang berkualiti. Hal ini merangkumi komposisi, pencahayaan, warna, ketajaman, dan subjek.

Pelaporan Jujur & Saksama

- Hasil karya foto yang dihantar adalah paparan realiti yang jujur dan benar serta subjek dan/atau latar belakang gambar tidak dimanipulasi atau diubah secara ketara. Perubahan editorial pada gambar (cth: 'colour', 'contrast', 'definition', 'shadows', 'highlights', 'cropping', 'leveling', dan lain-lain.) adalah dibenarkan, selagi aktiviti suntingan ini TIDAK mengubah realiti subjek atau objek foto.
- Sebarang petikan yang digunakan perlu diambil dari sumber yang nyata dan boleh dipercayai.
- Fakta, statistik, dan maklumat saintifik perlu disokong oleh sumber yang boleh dipercayai.
- Sumber yang digunakan dalam foto dan keterangan foto perlu dinyatakan menggunakan nota kaki atau gaya APA @ MLA.



PERTANDINGAN 'SINGLE REPORTAGE PHOTO'

Perspektif Konstruktif & Menyeluruh


- Hasil karya foto perlu menyentuh aspek implikasi sejarah, ekonomi, sosial, dan/atau politik dalam topik yang dipilih bagi projek peserta melalui lensa alam sekitar.
- Hasil karya foto dan keterangan gambar (caption) yang digunakan harus menunjukkan kaitan antara peristiwa, isu, dan/atau fenomena tempatan dan global.
- Keterangan bertulis dan/atau keterangan gambar (caption) foto perlu merangkumi jalan penyelesaian yang relevan dan boleh dilaksanakan bagi masalah persekitaran yang disampaikan dalam foto.

Keaslian & Autonomi

- Foto yang diambil peserta sendiri terdiri daripada subjek dan/atau skop yang benar dan asli. Peserta telah memilih topik yang mencabar atau menggambarkan topik dengan cara yang berbeza.
- Peserta menghasilkan karya foto secara kreatif.
- Peserta melibatkan diri dalam kerja lapangan dan penyelidikan mengenai topik yang dipilih di luar kawasan sekolah mereka.

Penyebaran dan Penyertaan dalam Bengkel

- Peserta diminta untuk berkongsi karya mereka melalui minimum tiga (3) saluran yang berbeza. Sebanyak 5 mata boleh diberikan bagi penyebaran karya melalui saluran berikut:
 - Sfera Peribadi = 1 mata
 - Komuniti Sekolah = 1 mata
 - Media Kebangsaan (surat khabar, TV, Radio) = 1 mata
 - 5 bengkel YRE yang berlainan = 1 mata
 - Saluran Media Antarabangsa = 1 mata
- Bukti penyebaran perlu disertakan bersama foto.



PERTANDINGAN 'SINGLE PHOTO CAMPAIGN'

Format & Struktur

- Peserta hanya boleh menghantar satu (1) foto sahaja ke YRE Malaysia melalui [Google Form](#).
- Hasil karya foto perlu dihantar dalam format JPEG atau PNG dengan resolusi tidak kurang dari 150-300 DPI sahaja.
- Hasil karya foto perlu mempunyai tajuk tidak melebihi 140 aksara.
- Hasil karya foto perlu mempunyai keterangan tidak melebihi 100 patah perkataan.
- Keterangan perlu menghubungkan foto dengan topik alam sekitar dan/atau mengemukakan jalan penyelesaian bagi isu alam sekitar yang disampaikan dalam foto.
- Hasil karya foto perlu dihasilkan dari segi teknikal dan artistik yang berkualiti. Hal ini merangkumi komposisi, pencahayaan, warna, ketajaman, dan subjek.

Pelaporan Jujur & Saksama

- Perubahan editorial pada foto (cth: 'colour', 'contrast', 'definition', 'shadows', 'highlights', 'cropping', 'leveling', dan lain-lain.) adalah dibenarkan, selagi aktiviti suntingan ini TIDAK mengubah realiti subjek atau objek dalam gambar.
- Suntingan foto menggunakan perisian 'Adobe Photoshop' yang minimal adalah dibenarkan, walau bagaimanapun peserta perlu mengambil foto sendiri.
- Sebarang petikan yang digunakan adalah dari sumber yang benar dan dipercayai.
- Fakta, statistik, dan maklumat saintifik perlu disokong oleh sumber yang boleh dipercayai.
- Sumber yang digunakan dalam foto dan keterangan foto perlu dinyatakan menggunakan nota kaki atau gaya APA @ MLA.

PERTANDINGAN 'SINGLE PHOTO CAMPAIGN'

Perspektif Konstruktif & Menyeluruh

- Hasil karya foto perlu menyentuh aspek implikasi sejarah, ekonomi, sosial, dan/atau politik dalam topik yang dipilih bagi projek peserta melalui lensa alam sekitar.
- Hasil karya foto dan keterangan/'caption' yang digunakan harus menunjukkan kaitan antara peristiwa, isu, dan/atau fenomena tempatan dan global.
- Keterangan bertulis dan/atau keterangan gambar (caption) foto perlu merangkumi jalan penyelesaian yang relevan dan boleh dilaksanakan untuk masalah persekitaran yang disampaikan dalam foto.

Keaslian & Autonomi

- Foto yang diambil peserta sendiri terdiri daripada subjek dan/atau skop yang benar dan asli. Peserta telah memilih topik yang mencabar atau menggambarkan topik dengan cara yang berbeza.
- Peserta menghasilkan karya foto secara kreatif.
- Peserta melibatkan diri dalam kerja lapangan dan penyelidikan mengenai topik yang dipilih di luar kawasan sekolah mereka.

Penyebaran dan Penyertaan dalam Bengkel

- Peserta diminta untuk berkongsi karya mereka melalui minimum tiga (3) saluran yang berbeza. Sebanyak lima (5) mata boleh diberikan bagi penyebaran karya melalui saluran berikut:
 - Sfera Peribadi = 1 mata
 - Komuniti Sekolah = 1 mata
 - Media Kebangsaan (surat khabar, TV, Radio) = 1 mata
 - 5 bengkel YRE yang berlainan = 1 mata
 - Saluran Media Antarabangsa = 1 mata
- Bukti penyebaran perlu disertakan bersama foto.

PERTANDINGAN 'PHOTO STORY (3-5 PHOTOGRAPHS)'

Format & Struktur

- Peserta hanya boleh menghantar maksimum tiga (3) hingga lima (5) foto ke YRE Malaysia melalui [Google Form](#).
- Hasil karya foto perlu dihantar dalam format JPEG atau PNG dengan resolusi tidak kurang dari 150-300 DPI sahaja.
- Hasil karya foto perlu mempunyai tajuk tidak melebihi 140 aksara.
- Hasil karya foto perlu mempunyai keterangan tidak melebihi 100 patah perkataan dan keterangan gambar (caption) tidak melebihi 20 patah perkataan ATAU hanya keterangan maksimum 120 patah perkataan.
- Huraian dan keterangan gambar (caption) perlu menghubungkan foto dengan topik alam sekitar dan / atau mengemukakan jalan penyelesaian bagi isu alam sekitar yang disampaikan dalam foto.
- Hasil karya foto perlu dihasilkan dari segi teknikal dan artistik yang berkualiti. Hal ini merangkumi komposisi, pencahayaan, warna, ketajaman, dan subjek.

Pelaporan Jujur & Saksama

- Hasil karya foto yang dihantar adalah paparan realiti yang jujur dan benar serta subjek dan/atau latar belakang gambar tidak dimanipulasi atau diubah secara ketara. Perubahan editorial pada gambar (cth: 'colour', 'contrast', 'definition', 'shadows', 'highlights', 'cropping', 'leveling', dan lain-lain.) adalah dibenarkan, selagi aktiviti suntingan ini TIDAK mengubah realiti subjek atau objek foto.
- Sebarang petikan yang digunakan perlu diambil dari sumber yang nyata dan boleh dipercayai.
- Fakta, statistik, dan maklumat saintifik perlu disokong oleh sumber yang boleh dipercayai.
- Sumber yang digunakan dalam foto dan keterangan foto perlu dinyatakan menggunakan nota kaki atau gaya APA @ MLA.

PERTANDINGAN 'PHOTO STORY (3-5 PHOTOGRAPHS)'

Perspektif Konstruktif & Menyeluruh

- Hasil karya foto perlu menyentuh aspek implikasi sejarah, ekonomi, sosial, dan/atau politik dalam topik yang dipilih bagi projek peserta melalui lensa alam sekitar.
- Hasil karya foto dan keterangan gambar (caption) yang digunakan harus menunjukkan kaitan antara peristiwa, isu, dan/atau fenomena tempatan dan global.
- Keterangan bertulis dan/atau keterangan gambar (caption) foto perlu merangkumi jalan penyelesaian yang relevan dan boleh dilaksanakan bagi masalah persekitaran yang disampaikan dalam foto.

Keaslian & Autonomi

- Foto yang diambil peserta sendiri terdiri daripada subjek dan/atau skop yang benar dan asli. Peserta telah memilih topik yang mencabar atau menggambarkan topik dengan cara yang berbeza.
- Peserta menghasilkan karya foto secara kreatif.
- Peserta melibatkan diri dalam kerja lapangan dan penyelidikan mengenai topik yang dipilih di luar kawasan sekolah mereka.

Penyebaran dan Penyertaan dalam Bengkel

- Peserta diminta untuk berkongsi karya mereka melalui minimum tiga (3) saluran yang berbeza. Sebanyak lima (5) mata boleh diberikan bagi penyebaran karya melalui saluran berikut:
 - Sfera Peribadi = 1 mata
 - Komuniti Sekolah = 1 mata
 - Media Kebangsaan (surat khabar, TV, Radio) = 1 mata
 - 5 bengkel YRE yang berlainan = 1 mata
 - Saluran Media Antarabangsa = 1 mata
- Bukti penyebaran perlu disertakan bersama foto.

PERTANDINGAN 'REPORTAGE VIDEO'

Format & Struktur

- Peserta hanya boleh menghantar satu (1) video sahaja ke YRE Malaysia melalui [Google Form](#).
- Hasil karya video perlu dihantar dalam format fail yang disokong di Youtube dan tidak melebihi 3 minit (tidak termasuk gulungan kredit).
- Hasil karya video perlu mempunyai tajuk tidak melebihi 140 aksara.
- Huraian dan keterangan gambar (caption) perlu menghubungkan video dengan topik alam sekitar dan / atau mengemukakan jalan penyelesaian bagi isu alam sekitar yang disampaikan dalam video.
- Hasil karya video perlu dihasilkan dari segi teknikal dan artistik yang berkualiti. Hal ini merangkumi komposisi, pencahayaan, warna, ketajaman, dan subjek.

Pelaporan Jujur & Saksama

- Hasil karya video yang dihantar adalah paparan realiti yang jujur dan benar serta subjek dan/atau latar belakang gambar tidak dimanipulasi atau diubah secara ketara. Perubahan editorial pada video (cth: 'colour', 'contrast', 'definition', 'shadows', 'highlights', 'cropping', 'leveling', dan lain-lain.) adalah dibenarkan, selagi aktiviti suntingan ini TIDAK mengubah realiti subjek atau objek video.
- Fakta, statistik, dan maklumat saintifik perlu disokong oleh sumber yang boleh dipercayai.
- Sumber yang digunakan dalam video dan keterangan video perlu dinyatakan menggunakan nota kaki atau gaya APA @ MLA.
- Adalah disarankan untuk 70 peratus daripada hasil karya video terdiri daripada gambar, rakaman video dan audio keluaran peserta sendiri. Sekiranya gambaran tambahan (gambar, ilustrasi, gambar rajah, dan lain-lain.), rakaman video tambahan atau audio tambahan digunakan, pengarang/sumber asal perlu dinyatakan di dalam video.



PERTANDINGAN 'REPORTAGE VIDEO'

Perspektif Konstruktif & Menyeluruh

- Hasil karya video perlu menyentuh aspek implikasi sejarah, ekonomi, sosial, dan/atau politik dalam topik yang dipilih bagi projek peserta melalui lensa alam sekitar.
- Hasil karya video dan keterangan gambar (caption) yang digunakan harus menunjukkan kaitan antara peristiwa, isu, dan/atau fenomena tempatan dan global.
- Keterangan bertulis dan/atau keterangan gambar (caption) foto perlu merangkumi jalan penyelesaian yang relevan dan boleh dilaksanakan bagi masalah persekitaran yang disampaikan dalam video.

Keaslian & Autonomi

- Video yang diambil peserta sendiri terdiri daripada subjek dan/atau skop yang benar dan asli. Peserta telah memilih topik yang mencabar atau menggambarkan topik dengan cara yang berbeza.
- Peserta menghasilkan karya video secara kreatif.
- Peserta melibatkan diri dalam kerja lapangan dan penyelidikan mengenai topik yang dipilih di luar kawasan sekolah mereka.

Penyebaran dan Penyertaan dalam Bengkel

- Peserta diminta untuk berkongsi karya mereka melalui minimum tiga (3) saluran yang berbeza. Sebanyak lima (5) mata boleh diberikan bagi penyebaran karya melalui saluran berikut:
 - Sfera Peribadi = 1 mata
 - Komuniti Sekolah = 1 mata
 - Media Kebangsaan (surat khabar, TV, Radio) = 1 mata
 - 5 bengkel YRE yang berlainan = 1 mata
 - Saluran Media Antarabangsa = 1 mata
- Bukti penyebaran perlu disertakan bersama video.



PERTANDINGAN 'ENVIRONMENTAL CAMPAIGN VIDEO'

Format & Struktur

- Peserta hanya boleh menghantar satu (1) video sahaja ke YRE Malaysia melalui [Google Form](#).
- Hasil karya video perlu dihantar dalam format fail yang disokong di Youtube dan tidak melebihi 3 minit (tidak termasuk gulungan rujukan atau penghargaan).
- Hasil karya video perlu mempunyai tajuk tidak melebihi 140 aksara.
- Huraian dan keterangan gambar (caption) perlu menghubungkan video dengan topik alam sekitar dan / atau mengemukakan jalan penyelesaian bagi isu alam sekitar yang disampaikan dalam video.
- Hasil karya video perlu dihasilkan dari segi teknikal dan artistik yang berkualiti. Hal ini merangkumi komposisi, pencahayaan, warna, ketajaman, dan subjek.
- Adalah disarankan untuk mempunyai pendahuluan dan penutup serta menggunakan gaya kempen promosi atau gaya pengumuman perkhidmatan awam (PSA).

Pelaporan Jujur & Saksama

- Fakta, statistik, petikan dan maklumat saintifik perlu disokong oleh sumber yang boleh dipercayai.
- Sumber yang digunakan dalam video dan keterangan video perlu dinyatakan dalam gulungan kredit pada hujung video atau rujukan bibliografi dalam format APA @ MLA.
- Adalah disarankan untuk 70 peratus daripada hasil karya video terdiri daripada gambar, rakaman video dan audio keluaran peserta sendiri. Sekiranya gambaran tambahan (gambar, ilustrasi, gambar rajah, dan lain-lain.), rakaman video tambahan atau audio tambahan digunakan, pengarang/sumber asal perlu dinyatakan di dalam video.



PERTANDINGAN 'ENVIRONMENTAL CAMPAIGN VIDEO'

Perspektif Konstruktif & Menyeluruh

- Hasil karya video perlu menyentuh aspek implikasi sejarah, ekonomi, sosial, dan/atau politik dalam topik yang dipilih bagi projek peserta melalui lensa alam sekitar.
- Hasil karya video dan keterangan gambar (caption) yang digunakan harus menunjukkan kaitan antara peristiwa, isu, dan/atau fenomena tempatan dan global.
- Hasil karya video perlu mengenal pasti jalan penyelesaian yang relevan dan boleh dilaksanakan untuk masalah persekitaran yang disampaikan dalam video ATAU meningkatkan kesedaran tentang isu alam sekitar, mempromosikan gaya hidup tertentu dan/atau tindakan positif.

Keaslian & Autonomi

- Video yang diambil peserta sendiri terdiri daripada subjek dan/atau skop yang benar dan asli. Peserta telah memilih topik yang mencabar atau menggambarkan topik dengan cara yang berbeza.
- Peserta menghasilkan karya video secara kreatif.
- Peserta melibatkan diri dalam kerja lapangan dan penyelidikan mengenai topik yang dipilih di luar kawasan sekolah mereka.

Penyebaran dan Penyertaan dalam Bengkel

- Peserta diminta untuk berkongsi karya mereka melalui minimum tiga (3) saluran yang berbeza. Sebanyak lima (5) mata boleh diberikan bagi penyebaran karya melalui saluran berikut:
 - Sfera Peribadi = 1 mata
 - Komuniti Sekolah = 1 mata
 - Media Kebangsaan (surat khabar, TV, Radio) = 1 mata
 - 5 bengkel YRE yang berlainan = 1 mata
 - Saluran Media Antarabangsa = 1 mata
- Bukti penyebaran perlu disertakan bersama video.

PERTANDINGAN 'WRITTEN ARTICLE'

Format & Struktur

- Peserta hanya boleh menghantar satu (1) artikel sahaja ke YRE Malaysia melalui [Google Form](#).
- Hasil karya penulisan perlu dihantar dalam format Microsoft Word.
- Hasil karya penulisan tidak melebihi 1,000 patah perkataan (selepas terjemahan ke dalam bahasa Inggeris).
- Hasil karya penulisan perlu mempunyai tajuk tidak melebihi 140 aksara.
- Perlu disertakan sekali satu (1) hingga tiga (3) gambaran (gambar, ilustrasi, gambar rajah, dan lain-lain.). Setiap gambaran perlu mempunyai keterangan gambar (caption) tidak melebihi 20 perkataan dan kenyataan sumber.
- Perlu mempunyai pendahuluan, badan (isi perenggan) dan penutup serta menjawab soalan mengenai 'siapa', 'apa', 'di mana', 'kenapa', 'bila', dan 'bagaimana' lebih dikenali sebagai kaedah '5W1H'.

Pelaporan Jujur & Saksama

- Hasil karya penulisan yang dihantar adalah paparan realiti yang jujur dan benar serta subjek dan/atau latar belakang penulisan tidak dimanipulasi atau diubah secara ketara.
- Fakta, statistik, petikan dan maklumat saintifik perlu disokong oleh sumber yang boleh dipercayai.
- Sumber yang digunakan dalam penulisan perlu dinyatakan pada kaki nota atau dalam format APA @ MLA. Hal ini termasuk petikan penulis/sumber asli bagi sebarang gambaran (gambar, ilustrasi, diagram, dan lain-lain.) yang digunakan di dalam penulisan.



PERTANDINGAN 'WRITTEN ARTICLE'

Perspektif Konstruktif & Menyeluruh

- Hasil karya penulisan perlu seimbang dan adil dari segi hujah sebelum mencadangkan kemungkinan penyelesaian bagi isu alam sekitar yang penulis ingin kaji.
- Hasil karya penulisan menyentuh implikasi sejarah, ekonomi, sosial, dan / atau politik dari topik yang dipilih melalui lensa alam sekitar.
- Hasil karya penulisan perlu menunjukkan kaitan antara peristiwa, isu, dan/atau fenomena tempatan dan global.
- Hasil karya penulisan perlu mengenal pasti jalan penyelesaian yang relevan dan boleh dilaksanakan untuk isu alam sekitar yang ingin disampaikan oleh penulis.

Keaslian & Autonomi

- Hasil karya penulisan peserta terdiri daripada subjek dan/atau skop yang asli. Peserta telah memilih topik yang mencabar atau telah menggambarkan topik dengan cara yang berbeza.
- Peserta melibatkan diri dalam kerja lapangan
- Peserta menghasilkan karya penulisan secara kreatif.
- Peserta melibatkan diri dalam kerja lapangan dan penyelidikan mengenai topik yang dipilih di luar kawasan sekolah mereka.

Penyebaran dan Penyertaan dalam Bengkel

- Peserta diminta untuk berkongsi karya mereka melalui minimum tiga (3) saluran yang berbeza. Sebanyak lima (5) mata boleh diberikan bagi penyebaran karya melalui saluran berikut:
 - Sfera Peribadi = 1 mata
 - Komuniti Sekolah = 1 mata
 - Media Kebangsaan (surat khabar, TV, Radio) = 1 mata
 - 5 bengkel YRE yang berlainan = 1 mata
 - Saluran Media Antarabangsa = 1 mata
- Bukti penyebaran perlu disertakan bersama karya penulisan.

1.0

PENDAHULUAN

1.1

Pertandingan 'National Young Reporters for the Environment' (NYRE) adalah pertandingan bertaraf antarabangsa yang dianjurkan oleh 'Foundation for Environmental Education Limited', sebuah syarikat berhad yang berdaftar di England dengan nombor pendaftaran 4752279, nombor amal 1148274 dan pejabat berdaftar di 74 The Close, Norwich, NR1 4DR ("FEE"). Program ini menyarankan 'Peserta' untuk menyelidik isu alam sekitar serta mencadangkan penyelesaian melalui laporan penyiasatan, kewartawanan fotografi atau video ("Pertandingan"). Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Pertandingan YRE Global, sila layaran laman web FEE di <https://www.yre.global/>.

1.2

Sebarang penyertaan rencana, gambar atau video perlu memenuhi kesemua kriteria penilaian yang telah dinyatakan.

1.3

Penyerahan karya mestilah dalam bahasa Inggeris, atau mempunyai sari kata dalam bahasa Inggeris sekiranya terdapat penyerahan berbentuk video.

1.4

"Pengendali Kebangsaan" bermaksud organisasi anggota kebangsaan berhubung kait dengan FEE yang menjalankan pertandingan YRE di peringkat kebangsaan di negara anggotanya dan termasuk dalam senarai organisasi anggota kebangsaan FEE melalui laman web YRE. Bagi Malaysia, Green Growth Asia Foundation (GGAF) adalah ahli gabungan FEE yang dilantik secara rasmi sebagai Pengendali Kebangsaan YRE sejak tahun 2019.

1.5

"Peserta" bermaksud orang yang memasuki pertandingan sebagai individu tunggal atau melalui sekolah, kolej, universiti atau kumpulan belia mereka.

1.6

Sesudah mendaftar, anda mengesahkan bahawa anda telah membaca dan bersetuju tanpa syarat terhadap semua Terma dan Syarat ini dan bahawa anda menerima sebarang dan kesemua keputusan FEE mengenai pertandingan sebagai muktamad dalam semua aspek. Hal ini tidak menjejaskan hak berkanun anda.

2.0

KELAYAKAN

2.1

Penyertaan pertandingan terbuka bagi individu berumur 10 hingga 24 tahun pada tarikh penyerahannya ke Pengendali Kebangsaan ("Peserta Layak"), tertakluk kepada ketentuan lain dari terma dan syarat ini.

2.2

Sekiranya peserta layak memasuki pertandingan sebagai sebahagian daripada kumpulan, Peserta Layak yang paling tua dalam kumpulan tersebut adalah usia yang akan digunakan bagi penyerahan karya mengikut klausa 2.1.

2.3

Peserta Layak tidak berhak memasuki pertandingan jika mereka tinggal di negara atau wilayah di mana pertandingan boleh melanggar undang-undang atau peraturan kebangsaan. Sekiranya perkara ini berlaku, jempukan dari FEE untuk menyertai pertandingan di negara / bidang kuasa tersebut akan ditarik.

3.0

TERMA DAN SYARAT

PENDAFTARAN

3.1

Peserta Layak yang ingin menyertai pertandingan perlu menghubungi Pengendali Kebangsaan mereka untuk mendaftar dengan YRE.

3.2

Peserta Layak boleh menyertai YRE pada bila-bila masa sepanjang tahun.

3,3

Peserta Layak hanya boleh mendaftar sekali untuk memasuki pertandingan.

4.0

KEBENARAN

4.1

Sekiranya Peserta Layak berumur 18 tahun ke bawah, beliau perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga mereka sebelum memasuki pertandingan.

4.2

Sekiranya penyerahan karya mengandungi bahan atau elemen yang tidak dimiliki oleh peserta dan/atau tertakluk kepada hak pihak ketiga, dan/atau terdapat individu lain yang muncul dalam karya, peserta bertanggungjawab untuk memperoleh sebarang pengeluaran dan persetujuan yang diperlukan sebelum penyerahan karya dilakukan untuk membenarkan pameran dan penggunaan penyerahan karya dengan cara yang dinyatakan dalam terma & syarat ini tanpa pampasan tambahan.

5.0

TERMA DAN SYARAT

HARTA INTELEK

5.1

Hak cipta untuk sebarang penyerahan karya bagi pertandingan tetap dimiliki oleh peserta masing-masing. Walau bagaimanapun, setiap peserta memberikan kebenaran antarabangsa dan kebangsaan yang mutlak dan tidak boleh ditarik balik kepada pihak FEE dan YRE Malaysia untuk mempamerkan sebarang atau semua penyerahan karya dalam sebarang penerbitan, laman web FEE dan YRE Malaysia dan/atau dalam sebarang bahan promosi yang berkaitan dengan pertandingan.

5.2

Peserta perlu memegang hak yang diperlukan untuk memberikan kebenaran yang dinyatakan dalam terma dan syarat ni.

5.3

Peserta bersetuju untuk membenarkan FEE dan YRE Malaysia untuk menggunakan (tanpa bayaran), mewakili, dan menghasilkan semula nama, gambar, biografi dan kata-kata untuk sebarang tujuan berkaitan dengan promosi pertandingan dan/atau FEE (termasuk tetapi tidak terhad kepada, bersama sebarang penyerahan karya) demikian dalam sebarang bentuk medium dan format serta di mana-mana tempat.

5.4

Peserta bersetuju untuk hanya memasukkan kandungan maklumat yang merupakan ciptaan asal peserta sendiri dalam penyerahan karya mereka dan tidak sama sekali melanggar hak harta intelek orang lain.

5.5

Sebarang penyerahan karya untuk pertandingan yang bukan merupakan ciptaan asal peserta yang sebenar dan/atau melanggar hak harta intelek orang lain masih boleh dinilai oleh pihak FEE dan YRE Malaysia tetapi tidak mempunyai kelayakan untuk menang.

6.0

KENYATAAN PRIVASI

6.1

YRE Malaysia dan FEE akan mengumpulkan maklumat peribadi anda untuk tujuan menjalankan dan menguruskan pertandingan serta berkomunikasi dengan peserta berkaitan dengan pertandingan. Semua maklumat peribadi akan dilindungi dan diproses dengan sebaiknya menurut kehendak Akta Perlindungan Data 1998 (United Kingdom) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Malaysia).

6.2

Pihak YRE Malaysia dan FEE tidak akan menyimpan data peribadi peserta untuk jangka masa lama atau lebih daripada tempoh yang diperlukan. Maklumat peserta akan disimpan oleh FEE dan YRE Malaysia untuk tempoh yang munasabah setelah pertandingan ditutup untuk membantu FEE dan YRE Malaysia dalam mengendalikan pertandingan secara konsisten dan untuk menangani sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan pertandingan.

7.0

UMUM

7.1

Pihak FEE dan YRE Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami peserta.

7.2

Pihak FEE dan YRE Malaysia berhak mengikut budi bicara mutlakny untuk membatalkan, menghentikan, mengubah atau menanggungkan pertandingan secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa tanpa memaklumkan terlebih dahulu kepada peserta.

TERMA DAN SYARAT

7.3

Pihak FEE dan YRE Malaysia boleh membatalkan penyertaan peserta dalam pertandingan mengikut budi bicara mutlak sekiranya peserta tidak mematuhi terma dan syarat ini atau bertindak dengan cara yang tidak sesuai sepanjang pertandingan.

7.4

Sekiranya mana-mana peruntukan terma dan syarat ini telah diisytiharkan oleh sebarang mahkamah kompeten sebagai tidak sah, melanggar undang-undang atau tidak dapat dilaksanakan, terma dan syarat ini tidak akan terjejas atau terganggu dari segi kesahihan dan undang undang.

7.5

Pihak FEE dan YRE Malaysia berhak untuk mengubah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa secara unilateral dan tanpa perlu mengumumkannya kepada peserta.

7.6

Terma dan syarat ini boleh ditafsirkan mengikut aturan undang-undang England, Wales dan Malaysia serta sebarang pertikaian yang timbul dari atau berkaitan dengannya akan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif pengadilan mahkamah England, Wales dan Malaysia.

8.0

TERMA DAN SYARAT

HAL UNDANG-UNDANG

8.1

Pada zaman sekarang, hal perundangan adalah sangat penting dalam masyarakat terutamanya dalam bidang media. Hal ini menjadi tanggungjawab peserta untuk mengetahui peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan pembuatan media sepanjang proses penghasilan karya.

8.2

Sebarang penyerahan karya kepada pihak YRE Malaysia yang disyaki dari segi undang-undang tidak layak untuk memenangi Pertandingan Antarabangsa YRE. Sekiranya anda mempunyai keraguan mengenai perkara ini, sila hubungi YRE Malaysia atau ibu pejabat YRE Antarabangsa.

8.3

Penggunaan muzik untuk penyerahan karya berbentuk video

Penggunaan atau pyalinan muzik yang telah diberi hak cipta di dalam karya video adalah menyalahi undang-undang tanpa mendapatkan izin bertulis dari pemegang hak cipta.

8.4

Kegagalan mendapatkan permit atau lesen muzik yang dilindungi hak cipta, walaupun untuk video yang tidak bertujuan untuk mengaut keuntungan, dapat menimbulkan masalah. Oleh itu, peserta disarankan sebaik-baiknya untuk tidak menggunakan muzik yang dilindungi hak cipta dalam karya video kerana terdapat beberapa platform pengimbas video yang dapat mengenal pasti penggunaan muzik yang dilindungi hak cipta.

TERMA DAN SYARAT

8.5

Karya yang didapati menggunakan bahan yang dilindungi hak cipta, secara amnya boleh dikesan oleh bot hak cipta, dan digantung dari platform seperti Youtube. Pelanggaran undang-undang hak cipta dilaksanakan dan boleh dikenakan denda tinggi dan rekod jenayah dalam beberapa buah negara. Sentiasa berwaspada dan perhatikan dengan rapat undang-undang hak cipta negara anda.

8.6

Sebagai alternatif, anda boleh menggunakan 'YouTube Audio Library' yang menawarkan muzik bebas royalti untuk tujuan kreatif dan bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan serta tidak memerlukan kebenaran bertulis dari pemegang hak cipta muzik.

8.7

Muzik juga boleh diterbitkan di bawah skema pelesenan kandungan terbuka, seperti lesen Creative Commons. Terdapat beberapa terma, syarat dan batasan yang dikenakan bagi muzik yang diambil dari sumber di atas, oleh itu pastikan ianya telah dipatuhi sepenuhnya dan tidak ada pelanggaran hak cipta dalam penyerahan karya video anda.

TARIKH PENTING PROGRAM

- Mei 2022 ● Webinar Pengenalan Program NYRE
- Mei 2022 ● Persediaan Webinar
- Mei 2022 ● Bengkel Literasi Media (Dalam Talian)
- Jun 2022 ● Bengkel Penulisan Artikel (Bersemuka)
- Jun 2022 ● Pertandingan Menulis Artikel Bermula
- Julai 2022 ● Bengkel Fotografi (Bersemuka)
- Julai 2022 ● Pertandingan Fotografi Bermula
- Julai 2022 ● Bengkel Pedagogi (untuk guru sekolah) (Dalam talian)
- Ogos 2022 ● Bengkel Mobilegrafi (Bersemuka)
- Ogos 2022 ● Pertandingan Videografi Bermula
- Ogos 2022 ● Bengkel Videografi (Bersemuka)
- September 2022 ● Pengumuman Pemenang bagi peringkat Pra Kelayakan
- Oktober 2022 ● Pengumuman Pemenang bagi peringkat Kebangsaan
- Mac 2023 ● Majlis Anugerah Pemenang peringkat Kebangsaan serta Lawatan Sambil Belajar Kelestarian
- Apr 2023 ● Penyerahan Karya Pemenang Kebangsaan untuk peringkat Antarabangsa
- Jun 2023 ● Pengumuman Pemenang untuk peringkat Antarabangsa dengan FEE

PENGANUGERAHAN

TEMPAT PERINGKAT	PERTAMA 1	KEDUA 2	KETIGA 3
PRA KELAYAKAN  	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil • Trofi 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil • Trofi 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil • Trofi
e-Sijil akan diberikan kepada semua peserta yang berjaya menyiapkan and menghantar hasil karya.			
KEBANGSAAN     	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil • Trofi • Bengkel Kewartawanan YRE • Lawatan Sambil Belajar Kelestarian** 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil • Trofi • Hadiah wang tunai 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil • Trofi • Hadiah wang tunai
ANTARABANGSA  	<ul style="list-style-type: none"> • Diploma diperakui FEE • Berpeluang untuk mewakili negara bagi acara antarabangsa: <ul style="list-style-type: none"> ◦ UN Climate Change Conference (COP) ◦ International Conference on Sustainability Education (ICSE) ◦ World Environmental Education Congress (WEEC) 		

***Lawatan ini hanya dianugerahkan kepada pemenang dari sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi atas sebab keselamatan dan kesesuaian program.*

LAMPIRAN



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan: GGAF/ESD/YREM-KPM/2022/02(1)
Ruj. Kami: KPM.600-12/1/4 Jld.28(60)
Tarikh: 13 Mac 2022

Encik B. Sri Themudu
Pengarah Program
Green Growth Asia Foundation
No. 21-2, Jalan Dr 1, Taman Delima
75150 Bukit Baru
Melaka

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM *YOUNG REPORTERS FOR THE ENVIRONMENT(YRE)* SECARA DALAM TALIAN ANJURAN GREEN GROWTH ASIA FOUNDATION

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh **17 Februari 2022** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal dan aktiviti berkumpulan secara bersemuka merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Program *Young Reporters For The Environment(YRE)* Secara Dalam Talian** mulai **1 April** hingga **31 Oktober 2022 sahaja**. Surat maklum balas ini perlu dibaca bersama surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

...2/-

LAMPIRAN

KPM.600-12/1/4 Jld.28(60)

- 4.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 4.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/program/aktiviti sekolah;
- 4.7 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 4.8 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.10 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);

LAMPIRAN

KPM.600-12/1/4 Jld.28(60)

- 4.11 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendafar;**
- 4.12 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**
- 4.13 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain*);
- 4.14 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;
- 4.15 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 4.16 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

LAMPIRAN

KPM.600-12/1/4 Jld.28(60)

5. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Green Growth Asia Foundation** yang akan menganjurkan **Program Young Reporters For The Environment(YRE) Secara Dalam Talian** mulai **1 April hingga 31 Oktober 2022 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak BSKK, KPM.


6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh berhubung dengan **Puan Illy Nadia binti Barudin** di talian **03-8872 1617** atau e-mel **illynadia@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(CYRIL CHRISTOPHER SINGHAM)

b.p. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.:
1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
(u.p.: Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pembangunan Murid JPN)

Illy/SuratKelulusan2022/MyDoc

PENAJA PROGRAM

Penganjur Program



Penaja Utama



Dengan Sokongan



HUBUNGI KAMI



Programme Director
Sri Themudu
+6012 695 4240
sri.tbb@greengrowthasia.org



Programme Coordinator
Aisyah Husna
yremalaysia@gmail.com



Programme Coordinator
Najaha Rosman
yremalaysia@gmail.com



Programme Administrator
Faiqah Asmuni



YOUNG REPORTERS FOR THE ENVIRONMENT

www.lensakelestarian.com